

MAHATHIR - PERNIAGAAN

(1)

1984

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

SYDNEY, 23 OGOS (BERNAMA) -- PERBADANAN PELABURAN LUAR NEGERI MALAYSIA (MOIC) TELAH MENUBUHKAN TUJUH CAWANGANNYA DI RANTAU PASIFIK SEBAGAI SEBAHAGIAN LANGKAH PERMULAAN UNTUK MEMPERLUASKAN PENANAMAN PELABURAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DISINI MALAMINI PERBADANAN ITU JUGA TELAH MENANDATANGANI SATU PERJANJIAN USAHASAMA UNTUK MEMBINA SEBUAH HOTEL BERTINGKAT-TINGKAT DISUBA DAN SEDANG BERUNDING UNTUK MEMAJUKAN SEBUAH PROJEK PELANCONGAN DI PAPUA NEW GUINEA.

RELIAU BERKATA PERBADANAN ITU DIBENTUK MENERUSX USAHASAMA 13 BUAH SYARIKAT DI MALAYSIA SELEPAS KEPULANGANNYA DARILAWATAN RASMI KE NEGARA-NEGARA PASIFIK SELATAN TIDAK LAMA DULU TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG MEMUASKAN WALAUPUN IAMUNGKIN PERLAHAN SEDIKIT DARI SEGI MENARIK BANYAK PELABURAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB SOALAN YANG DITIMBUKANDI MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIADAKAN SEBAGAI MERAIKANNYA OLEH MAJLIS PERNIAGAAN ASEAN-AUSTRALIA.

KIRA-KIRA 300 ORANG PENIAGA UTAMA DI AUSTRALIA, AHLI-AHLI BANK DAN PARA PELABUR MENGHADIRI MAJLIS TERSEBUT. -- LAGI

MAHATHIR - PERNIAGAAN I SYDNEY

BELIAU BERKATA IDEA DISEBALIK PENURUHAN PERBADANAN ITU ADALAH UNTUK MENGADAKAN HUBUNGAN LEBIH BAIK DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU PASIFIK DAN JUGA LAIN-LAIN TEMPAT DIDUNIA, KHASNYA DALAM HAL-HALEKONOMI DAN PERDAGANGAN.

+ SUNGGUHPUN KAMI BUKAN NEGARA MAJU, KAMI RASA 'MEMPUNYAI' KEPAKARAN DAN PENGALAMAN TERTENTU YANG BOLEH KAMI MENYUMBANG KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU TERSEBUT BAGI KEPENTINGAN KEDUA-DUA PIHAK, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BUKAN MENJADI TUJUAN KERAJAAN MENGGALAKKAN PERBADANAN ITU MELABUR DI NEGARA-NEGARA MAJU DI RANTAU TERSEBUT SEPERTI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND.

MENGENAI PENDAPATNYA TENTANG PERANAN AUSTRALIA DI RANTAU ASIA-PASIFIK, BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI HARAPAN MALAYSIA AGAR AUSTRALIA SEBAGAI SATU DARIPADA DUA BUAH NEGARA MAJU DI KAWASAN TERSEBUT DAPAT MEMBERI BIMBINGAN KEPADA NEGARA KURANG MAJU DAN PADA MASA YANG SAMA HENYEDEAKAN PASARAN YANG BAIK KEPADA BARANG KELVARAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

KATANYA KERJASAMA SEPERTI ITU TENTU AKAN MEWUJUDKAN HUBUNGAN YANG LEBIH ERAT DI KALANGAN NEGARA DI RANTAU TERSEBUT. -- LAGI

2305MST 13 08 84

D213

R B194 BAH EMA

MAHATHIR - PERNIAGAAN 3 SYDNEY

HUBUNGAN YANG RAPAT SEPERTI ITU AKAN MEMBAWA KE ARAH TOKOK TAMBAHAN YANG LEBIH RAPAT DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN ANTARA NEGARA-NEGARA YANG TERLIBAT.

BELIAU MENYEBUT SEBAGAI CONTOH KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM HAL TERSEBUT. KATANYA ADALAH TIDAK WAJAR BAGI MALAYSIA, KERANA KEKURANGAN KEPAKARAN DAN KEMAHIRAN, CUBA MENCEBURI PERINDUSTRIAN TEKNOLOGI TINGGI JIKA AUSTRALIA SENDIRI MEMPUNYAINYA.

+ JIKA AUSTRALIA SANGGUP KAMI AKAN MENYEDIAKAN INDUSTRI-INDUSTRI SOKONGAN LAIN DAN DENGAN CARA ITU KEDUA-DUA NEGARA AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI SEGI KOSNYA, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGAMENJAWAB SOALAN MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, KONSEP PENSWASTAAN DAN PERANAN AUSTRALIA PADA MASA DEPAN DI ASEAN.

KEPADA SOALAN SAMA ADA BELIAU MELIHAT KEMUNGKINAN AUSTRALIA MENJADI ANGGOTA ASEAN SATU HARI. NANTI, MEMANDANGKAN PERSEFAHAMAN YANG WUJUD SEKARANG ANTARA AUSTRALIA DAN NEGARA-NEGARA PERTUBUHAN SERANTAU TERSEBUT, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK KEMUNGKINAN PERKEMRANGAN SEPERTI ITU DIMASA KAN DATANG. -- LAGI
2318MST 13 08 84

D218

R B195 BAH EMA

MAHATHIR - PERNIAGAAN 4 SYDNEY

+ SEBAGAI MANA SEKARANG KAMI TELAH MENOLAK PERMOHONAN BEBERAPA BUAH NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU INI UNTUK MENJADI ANGGOTA ASEAN ADALAH TIDAK WAJARKAN MENERIMA KEMASUKAN AUSTRALIA YANG MERUPAKAN NEGARA MAJU SEDANGKAN KAMI MENOLAK YANG SEDANG MEMBANGUN, + TAMBAHNYA.

+ BAGAIMANAPUN AUSTRALIA AKAN TERUS MENJADI RAKAN DIALOG ASEAN YANG P&PAT DAN IA PERLU BERSEEDIA UNTUK MENERIMA BEBERAPA BARANGAN KAMI, + KATANYA.

SEBELUM ITU DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KINI TERDAPAT KEPERLUAN UNTUK NEGARA-NEGARA MEMBANGUN KEMBALI KEPADA PERATURAN PERS ETUJUAN ANTARABANGSA DAN CARA-CARA UNTUK KEBAIKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN.

BELIAU BERKATA AUSTRALIA, DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG LAIN, MESTI TERUS TERLIBAT DAN MENUNJUKKAN AZAM UNTUK MEMELIHARAKAN SISTEM PERDAGANGAN BEBAS PELBAGAI HALA.

KATANYA + INGAT SELALU BAHAWA KEMAKMURAN KEPADA PELANGGAN ANDA ADALAH MENGUNTUNGGAN ANDA. TIDAK BANYAK YANG DAPAT ANDA JUAL KEPADA ORANG MISKIN. OLEH ITU MEMBANTU RAKAN PERDAGANGAN ANDA UNTUK MENCAPAI KEMAKMURAN ADALAH BAIK UNTUK PERNIAGAAN ANDA. +

PERDANA MENTERI MELAHIRKAN KESALNYA MENGENAI APA YANG... DISIFATKANNYA SEBAGAI HUBUNGAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN YANG LEMBAH ANTARA MALAYSIA DAN AUSTRALIA SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU. -- LAGI

MAHATHIR -- PERNIAGAAN S SYDNEY

SAMBIL MENYALAHKAN AUSTRALIA YANG SEMAKIN MELUASKAN DASAR PERLINDUNGANNYA, BELIAU BERKATA: + KEADAAN INI AMATLAH MENGHAMPAKAN LEBIH-LEBIH LAGI MEMANDANGKAN KEGUA-GUA NEGARA TERSEBUT TERLETAK BEGITU RAPAT ANTARA SATUSAMA LAIN. +

+ SEBAGAI CONTOH, PAPAN LAPIS, PAKAIAN, ALAT MAKANAN, PENDING IN HAWA, ASID LEMAK DAN SARUNG TANGAN GETAH DIKENAKAN DUTI IMPORT YANG TITINGGI ISERTAKUOTA. + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA YANG PALING MENGHAMPAKAN IALAH PERKARA ITU BERLAKU SETELAH MALAYSIA MEMPEROLEHI KELEBIHAN PERSAINGAN ATAS BARANG-BARANG TERSEBUT DAN SEDANG MEMPERKEMBANGKAN PENGEKSPORTANNYA DEMI MENINGKATKAN NILAI TAMBAHAN KANDUNGANNYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU PERCAYA KINI TERDAPAT PELUANG UNTUK MEMPERTINGKATKAN TAHAP PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA BAGI FAEDAH BERSAMA.

INI MEMERLUKAN HUBUNGAN LEBIH LUAS LAGI KERAP ANTARA PENIAGA AUSTRALIA DAN MALAYSIA, KATANYA.

BELIAU MENERANGKAN PERDAGANGAN TIDAK SEIMBANG ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG BEGITU MEMIHAK KEPADA AUSTRALIA SEJAK BERTAHUN-TAHUN SANGAT MEMBIMBANGKAN MALAYSIA. -- BERNAMA.